

29 MAR 1997

GOH SAMBUT BAIK JAMINAN DR MAHATHIR

SINGAPURA, 29 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong menyambut baik jaminan oleh Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa laporan-laporan media mengenai pembekuan hubungan antara Malaysia-Singapura sebagai tidak benar.

Di dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini, Goh berkata beliau sedih bahawa "hubungan dua hala antara kedua-dua negara terjejas oleh kenyataan Menteri Kanan Lee Kuan Yew mengenai Johor".

Beliau berkata Lee telah menyatakan bahawa beliau tidak pernah berniat untuk menyinggung perasaan sesiapa.

Sebaliknya, beliau berkata Lee "telah serta-merta meminta maaf kepada saya apabila kenyataan beliau itu diketahui umum".

"Beliau juga telah meminta maaf kepada Malaysia. Kabinet Malaysia telah menerima permohonan maaf beliau itu.

"Kami percaya bahawa kerjasama yang lebih erat antara Malaysia dan Singapura akan memberi faedah kepada kedua-dua negara," katanya.

Goh berkata Singapura akan memainkan peranannya di dalam usaha untuk memulihkan serta mempertingkatkan kerjasama pada kadar yang dikehendaki oleh Malaysia.

"Kami inginkan hubungan baik dengan Malaysia dan kenyataan saya pada 25 Mac adalah bertujuan untuk membantu menjernihkan keadaan serta untuk mempertingkatkan hubungan," kata beliau. -- BERNAMA

THG MZ AKD